



**SIARAN AKHBAR
JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**KEMPEN KEBERSIHAN
KAWASAN PERSEKITARAN MASJID AL-MUHTADEE BILLAH,
KAMPONG SUNGAI KEBUN**

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 MAC - Beberapa agensi kerajaan terdiri daripada Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jabatan Hal Ehwat Masjid, Jabatan Jalan Raya (JKR) dan pihak NGO's (*'Green Brunei'*) dengan kerjasama dan dokongan ahli-ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampong Sungai Kebun dan Majlis Perundingan Kampong Sungai Kebun telah mengadakan kempen kebersihan di kawasan Masjid Al-Muhtadee Billah dan sekitarnya pada hari Isnin pagi, 29 Mac 2021. Kempen tersebut melibatkan seramai lebih 100 orang.

Kempen kebersihan ini sebagai kesinambungan daripada kempen kebersihan kawasan pusat bandar yang diadakan pada 8 Mac 2021 bagi mendokong hasrat Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam yang telah melancarkan 'Garis panduan Protokol Hijau' pada 30 Januari 2021.

Adalah diharapkan dengan pelaksanaan kempen ini, ianya akan dapat mencapai matlamat dan hasrat Kerajaan untuk memupuk kesedaran dan tanggungjawab tentang nilai kebersihan dan keperluan mewujudkan persekitaran yang bersih dan cantik di seluruh negara terutama sekali di persekitaran Ibu Negara, Bandar Seri Begawan dan keperluan mewujudkan persekitaran yang bersih di tempat awam khususnya kawasan persekitaran masjid sebagai tempat ibadat yang bersih, suci dan indah daripada segala kekotoran yang boleh menjatuhkan imej sesebuah masjid. Persekitaran yang kotor dengan sampah sarap dan pondok-pondok terbiar bukan sahaja menimbulkan pemandangan yang tidak elok malah boleh mengundang kepada pembiakan serangga-serangga seperti lalat, nyamuk dan tikus yang boleh membawa bahaya dan mengancam keselamatan dan kesihatan orang ramai.

TAMAT

**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

15 Sya'aban 1442H / 29 Mac 2021M

GAMBAR KEMPEN KEBERSIHAN



